



05 FEB, 2023

KPT hantar empat pasukan terbaik IPT

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

KPT hantar empat pasukan terbaik IPT

Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menghantar empat pasukan institusi pendidikan tinggi (IPT) bagi menyertai kejohanan peringkat kebangsaan musim ini.

Pasukan terbabit adalah skuad bola sepak Malaysia University Football Team (MUFT), KPT-PST Mustangs (futsal), KPT-UNITEN THUNDER (hoki wanita) dan KPT-MASUM Knights (sepak takraw).

MUFT yang dianggotai 27 atlet, bakal bersaing dalam kejohanan Liga M3 2023 manakala KPT-PST Mustangs menyertai kejohanan Liga Futsal Premier Malaysia (MPFL) 2023 dengan mempertaruhkan 21 atlet.

Pasukan KPT-UNITEN Thunder yang membabitkan 13 atlet IPT bakal berentap pada Kejohanan TNB Liga Hoki WANITA Malaysia 2023 dengan pencapaian naib johan pada 2022 dan muncul juara Piala Vivian May Soars buat kali ketiga.

Sasar muncul juara liga
Pasukan itu menyasarkan untuk muncul juara liga pada tahun 2023 ini dan turut mengekalkan kejuaraan Piala Vivian May Soars.

Skuad KPT-MASUM Knights



Megat Sany (belakang, enam dari kiri) dan Norisma bersama pasukan MUFT KPT.

(Foto ihsan KPT)

yang muncul naib juara Divisyen 1, Liga Sepak Takraw (STL) 2022 dan turut beraksi di Liga Juara-Juara pada tahun yang sama akan menggalas cabaran untuk berentap di Liga Premier pada musim 2023 dengan sasaran menjadi empat pasukan

yang terbaik.

Majlis pengenalan pasukan IPT ke Liga Kebangsaan 2023 dan penyerahan buku manual terbitan seksyen sukan di sempurnakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, Datuk Dr Megat Sany Megat Ahmad

Supian, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Strategik KPT, Norisma Mohd Ismail dan Timbalan Setiausaha Bahagian, Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik KPT, Datuk Dr Pekan Ramli.